	Prosedur Oper	rasi Standard			
	RTANDINGAN AN JABATAN PERIKA	IUGERAH INOVAS NAN MALAYSIA			
No Dokumen : SOP-DOF-KEJ-INOVASI M.surat: 1 of 11 Semakan No: 1 Tarikh Kuatkuasa: 26/1/2021					

## **PROSEDUR OPERASI STANDARD**

## PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

	Prosedur Oper	rasi Standard	
	RTANDINGAN AN JABATAN PERIKA	IUGERAH INOVAS MAN MAI AYSIA	I
No Dokumen : SOP-DOF-KEJ-INOVASI	M.surat: 2 of 11	Semakan No: 1	Tarikh Kuatkuasa:

## 1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan memberi panduan kepada Bahagian/Pejabat Perikanan Negeri/Pusat/Institut/Akademi/Individu di Jabatan Perikanan dan Orang Awam/Syarikat Swasta termasuk pengusaha/penternak/nelayan membuat permohonan untuk menyertai Anugerah Inovasi Jabatan Perikanan Malaysia.

## 2. ANUGERAH INOVASI

## 2.1 <u>Definisi</u>

Inovasi dalam konteks perkhidmatan awam adalah hasil cetusan idea-idea yang kreatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Hasil inovasi hendaklah berupaya menambah nilai output semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada serta boleh merangkumi apa-apa perubahan kepada sistem, prosedur dan kaedah dalam penyampaian perkhidmatan awam.

## 2.2 Objektif Anugerah

Anugerah ini diwujudkan adalah untuk;

- i. Memberi pengiktirafan secara formal kepada warga Jabatan Perikanan dan juga sektor swasta termasuk pengusaha/penternak/nelayan, agensi, IPT dan lain-lain badan yang telah berjaya menghasilkan projek inovasi dalam bidang perikanan.
- ii. Memberi pendedahan dan pencerahan tentang hasil inovasi yang telah dilaksanakan dan memberi manfaat supaya dapat diamalkan oleh Bahagian/Pejabat Perikanan Negeri/Pusat/Institut/Akademi/Individu di Jabatan Perikanan dan Orang Awam/Syarikat Swasta termasuk pengusaha/penternak/nelayan.
- Menggalakkan persaingan yang sihat kepada warga Jabatan Perikanan dalam menghasilkan projek-projek inovasi yang lebih berkualiti dan berimpak tinggi.

# Prosedur Operasi Standard PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA No Dokumen : SOP-DOF-KEJ-INOVASI M.surat: 3 of 11 Semakan No: 1 Tarikh Kuatkuasa: 26/1/2021

### 3. KATEGORI ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

- 3.1 Kategori anugerah yang dipertandingkan akan dimaklumkan secara rasmi oleh Jabatan Perikanan Malaysia pada tahun penganjuran Pertandingan Anugerah Inovasi Jabatan Perikanan.
- 3.2 Pengiktirafan adalah dalam bentuk wang tunai, piala dan sijil yang akan diumumkan oleh Jabatan Perikanan pada tahun penganjuran Pertandingan Anugerah Inovasi Jabatan Perikanan.
- 3.3 Perincian bagi kategori anugerah dan pengiktirafan Pertandingan Anugerah Inovasi seperti di **Lampiran A**.

## 4. SYARAT PENYERTAAN

- 4.1 Inovasi hendaklah dihasilkan oleh individu/kumpulan di Bahagian/Pejabat Perikanan Negeri/Pusat/Institut/Akademi/Individu di Jabatan Perikanan dan Orang Awam/Syarikat Swasta termasuk pengusaha, penternak, nelayan/Agensi/IPT dan lain-lain.
- 4.2 Inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi faedah dan manfaat kepada Jabatan/Pengguna dalam bidang/urusan bagi pembangunan industri Perikanan serta tidak melanggar mana-mana undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.
- 4.3 Inovasi yang terhasil dan telah dipatenkan tidak layak menyertai pertandingan ini.
- 4.4 Inovasi yang dihasilkan individu/kumpulan di Bahagian/Pejabat Perikanan Negeri/Pusat/Institut/Akademi/Kolej di Jabatan Perikanan adalah menjadi hak milik Jabatan Perikanan Malaysia.
- 4.5 Inovasi yang telah dipertandingkan sebelum ini di peringkat Jabatan walaupun tidak memenangi apa-apa kategori tidak layak untuk menyertai anugerah ini.
- 4.6 Penyertaan untuk Pertandingan Anugerah Inovasi hendaklah dengan melengkapkan Borang Permohonan seperti di **Lampiran B** dan dihantar kepada urus setia untuk rekod awal.
- 4.7 Laporan Inovasi perlu disediakan mengikut format seperti di Lampiran C dan dihantar kepada urus setia pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan.

	Prosedur Oper	asi Standard				
PE	RTANDINGAN AN	<b>IUGERAH INOVAS</b>	<b>S</b>			
	JABATAN PERIKA	NAN MALAYSIA				
No Dokumen :						
SOP-DOF-KEJ-INOVASI	IVI.SUIAL 4 OI II	Semakan No: 1	26/1/2021			

- 4.8 Inovasi perlu dipamerkan dan dibentangkan/taklimat kepada panel penilai. Salinan soft copy poster (untuk dimasukkan dalam laman web Jabatan) dan slide pembentangan perlu dikemukakan kepada urus setia selewat-lewatnya sehari sebelum pameran/pembentangan.
- 4.9 Urus setia berhak membatalkan penyertaan dengan serta merta sekiranya penyertaan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan.
- 4.10 Keputusan panel penilai adalah MUKTAMAD.

## 5.0 TUMPUAN DAN KRITERIA PENILAIAN PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

Pembahagian markah diberikan mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti di Lampiran D.

## 5.1 Tumpuan Penilaian Pertama: Idea

ldea yang dicetuskan bagi menghasilkan sesuatu inovasi itu diukur dari segi kreativitinya iaitu dengan menilai keaslian dan adaptasi inovasi tersebut.

## Kriteria Penilaian 1: Kreativiti (10 markah)

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana projek inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri keaslian dan adaptasi. Penerangan mengenai kriteria ini perlu mempunyai ciri-ciri berikut;

i) Keaslian - Inovasi yang dihasilkan adalah idea yang asli, unik dan tersendiri;

ii) Adaptasi - Inovasi yang dihasilkan merupakan penambahbaikan atau pengubahsuaian idea sedia ada.

## 5.2 Tumpuan Penilaian Kedua: Hasil Inovasi (Output)

atau

Hasil inovasi (output) diukur dengan mengambilkira tahap pelaksanaan dan 'replicability' sesuatu inovasi itu.

# Prosedur Operasi Standard PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA No Dokumen: SOP-DOF-KEJ-INOVASI M.surat: 5 of 11 Semakan No: 1 Tarikh Kuatkuasa: 26(1(2021)

## Kriteria Penilaian 2 : Tahap Pelaksanaan (10 markah)

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana tahap pelaksanaan inovasi yang dihasilkan sama ada ia telah berjaya dilaksanakan sehingga ke peringkat seperti berikut;

- i) Secara penuh (melepasi peringkat pertama percubaan) : atau
- ii) Secara percubaan (di peringkat prototaip)

## Kriteria Penilaian 3: 'Replicability' (10 markah)

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri 'replicability' dan terdapat bukti inovasi boleh diguna pakai oleh agensi-agensi lain seperti berikut;

- i) Dilaksanakan secara terus dipelbagai tempat : atau
- ii) Dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang lain.

## 5.3 Tumpuan Penilaian Ketiga: Impak (Outcome)

Impak (outcome) dinilai dengan melihat kepada kriteria efisen (kecekapan) dan signifikan sesuatu inovasi tersebut.

## Kriteria Penilaian 4: Efisen (20 markah)

Kriteria ini bertujuan untuk menilai sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri efisen iaitu yang dapat menyumbang kepada:

- i) Penjimatan masa
- ii) Penjimatan kos
- iii) Peningkatan Produktiviti; dan
- iv) Mudah digunakan (*user-friendly*)

## Kriteria Penilaian 5 : Signifikan (10 markah)

Kriteria ini bertujuan untuk menilai sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri signifikan dan terdapat bukti yang nyata inovasi dapat memberi impak kepada keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dalam;

# Prosedur Operasi Standard PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA No Dokumen: SOP-DOF-KEJ-INOVASI M.surat: 6 of 11 Semakan No: 1 Z6/1/2021

i) Jabatan

ii) Bahagian/Negeri : dan

iii) Cawangan/Unit

## 5.4 Tumpuan Penilaian Keempat : Pengurusan

Aspek Pengurusan dinilai dengan memberi penekanan kepada komitmen pihak pengurusan atasan.

## Kriteria Penilaian 6: Komitmen (10 markah)

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana komitmen pengurusan atasan dalam memberi sokongan dari segi;

- i) Kewangan
- ii) Pengurusan Sumber Manusia
- iii) Insentif
- iv) Penghargaan
- v) Peralatan

### 5.5 Tumpuan Penilaian Kelima: Pameran (10 markah)

Aspek pameran dinilai dengan melihat cara peserta menyampaikan idea dalam hasil akhir projek. Hasil akhir projek ini dapat menyampaikan maklumat tentang keistimewaan sesuatu projek dilaksanakan dan memberi impak kepada pengguna.

## Kriteria Penilaian 7: Pameran (10 markah)

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana tahap pelaksanaan inovasi yang dihasilkan dan disampaikan dalam bentuk model, poster, banting dan lain-lain bahan pameran.

### 5.6 Tumpuan Penilaian Keenam: Laporan

Aspek laporan dinilai dengan memberi penekanan kepada laporan yang dihantar kepada panel penilai serta lain-lain perkara yang berkaitan dengan inovasi yang dilaksanakan.

# Prosedur Operasi Standard PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA No Dokumen: SOP-DOF-KEJ-INOVASI M.surat: 7 of 11 Semakan No: 1 Tarikh Kuatkuasa: 26/1/2021

## Kriteria Penilaian 8 : Laporan Inovasi (10 markah)

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana tahap pelaporan inovasi yang dihasilkan dalam bentuk bertulis yang mengandungi perkara-perkara seperti berikut;

- i) Pengenalan individu/kump. Terlibat, inovasi yang dilakukan, objektif, tempoh pelaksanaan dsb
- ii) Kedudukan sebelum inovasi
- iii) Masalah-masalah sebelum inovasi
- iv) Lain-lain perkara berkaitan

## 5.7 Tumpuan Penilaian Ketujuh: Pembentangan / Taklimat

Aspek persembahan dinilai dengan memberi penekanan kepada gaya dan teknik serta isi penyampaian taklimat kepada panel penilai.

## Kriteria Penilaian 9 : Pembentangan / Taklimat (10 markah)

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana tahap kefahaman dan penguasaan projek inovasi oleh peserta tentang maklumat terperinci, penjelasan lanjut dan membuat pengesahan ke atas pematuhan kriteria yang dinyatakan dalam laporan inovasi serta meyakinkan panel penilai tentang projek inovasi yang dihasilkan.

## 6.0 PENYEDIAAN LAPORAN

- 6.1 Laporan inovasi disediakan dalam Bahasa Melayu (6 salinan dalam bentuk hardcopy dan 1 salinan dalam bentuk softcopy) diberi kepada urusetia sebelum anugerah dijalankan.
- 6.2 Penerangan ringkas mengenai individu /kumpulan /pengusaha /penternak /nelayan /agensi yang memperkenalkan inovasi.
- 6.3 Penerangan mengenai inovasi yang diperkenalkan, objektif, tempoh pelaksanaan sama ada secara penuh atau percubaan dan lokasinya.
- 6.4 Penerangan ringkas mengenai kedudukan sebelum inovasi dilaksanakan.
- 6.5 Masalah-masalah yang dihadapi sebelum inovasi dilaksanakan.

	Prosedur Oper	rasi Standard	
· <del>-</del>	RTANDINGAN AN JABATAN PERIKA	IUGERAH INOVAS NAN MALAYSIA	
No Dokumen : SOP-DOF-KEJ-INOVASI	M.surat: 8 of 11	Semakan No: 1	Tarikh Kuatkuasa:

- 6.6 Faedah-faedah pelaksanaan inovasi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan mengikut kriteria yang ditetapkan di para 5.
- 6.7 Format penulisan laporan inovasi adalah seperti di Lampiran C.

### 7.0 PROSES PENILAIAN INOVASI

## 7.1 Peringkat Pertama: Tapisan oleh pihak Urus Setia

Semua permohonan yang diterima akan dibuat tapisan di peringkat Urus Setia untuk memastikan permohonan memenuhi syarat penyertaan yang telah ditetapkan.

## 7.2 Peringkat Kedua: Penilaian Berasaskan Laporan

Semua laporan inovasi yang diterima akan dinilai oleh Panel Penilai yang terdiri daripada Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan yang dipilih dan dilantik khas oleh Ketua Jabatan. Penilaian akan dilaksanakan berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan seperti di para 5.

### 7.3 Peringkat Ketiga: Penilaian Pameran dan Pembentangan

- Semua projek inovasi yang menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi perlu menyertai pameran dan membuat pembentangan/taklimat projek serta demonstrasi kepada Panel Penilai.
- ii) Pembentangan/taklimat projek ini bertujuan untuk membolehkan Panel Penilai mendapat maklumat terperinci, penjelasan lanjut dan membuat pengesahan ke atas pematuhan kriteria yang dinyatakan dalam laporan.
- iii) Pemarkahan adalah mengikut kriteria seperti dinyatakan di para 5.

## iv) Pembentangan/Taklimat Projek

- Semua peserta dikehendaki bersiap sedia 5 minit lebih awal dari masa yang telah ditetapkan dalam jadual pembentangan.
- Setiap indivdu/kumpulan/pengusaha/penternak/nelayan/agensi akan diberikan masa selama 10 minit untuk membuat pembentangan.
- Loceng permulaan akan dibunyikan dan loceng kedua setelah tamat tempoh 10 minit.
- Sesi soal jawab oleh Panel Penilai adalah selama 5 minit.

## Prosedur Operasi Standard PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA No Dokumen: SOP-DOF-KEJ-INOVASI M.surat: 9 of 11 Semakan No: 1 Z6/1/2021

## 7.4 Peringkat Keempat: Keputusan Pertandingan

Keputusan pertandingan diedarkan kepada semua peserta selepas panel penilai bersidang dan bersetuju dengan keputusan pertandingan. Keputusan Panel Penilai adalah MUKTAMAD. Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang dilaksanakan dalam mana-mana majlis/program yang bersesuaian.

## 8.0 URUSETIA PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

Segala urusan dan pertanyaan berkenaan Pertandingan Anugerah Inovasi Jabatan Perikanan Malaysia adalah melalui urus setia seperti berikut:

Urus Setia Pertandingan Anugerah Inovasi Jabatan Perikanan Malaysia Bahagian Kejuruteraan Aras 4, Podium 1, Blok 4G2, Wisma Tani, Presint 4, 62628 Putrajaya

Tel: 03-8870 4408 Faks: 03-8888 9439

## 9.0 TARIKH KUATKUASA

Prosedur Operasi Standard ini berkuatkuasa bermula dari tarikh dokumen ditandatangani.

## "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(AHMAD TARMIDZI BIN RAMLY)

Ketua Pengarah Perikanan Jabatan Perikanan Malaysia Putrajaya

Tarikh : **%** Januari 2021



## KATEGORI DAN PENGIKTIRAFAN PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

KATEGORI	Sub Kategori	Pemenang
Teknikal Inovasi yang dihasilkan oleh kakitangan Jabatan Perikanan dari segi teknikal perikanan.	Individu Kumpulan	Tempat Pertama Tempat Kedua Tempat Ketiga
Prosedur Inovasi yang dihasilkan oleh kakitangan Jabatan Perikanan dari segi pengurusan, prosedur serta teknologi maklumat dan komunikasi yang meningkatkan kualiti perkhidmatan.	Individu Kumpulan	Tempat Pertama Tempat Kedua Tempat Ketiga
Perikanan Terbuka Inovasi yang dihasilkan oleh kakitangan Jabatan Perikanan/orang awam/Swasta termasuk pengusaha, penternak, nelayan/Agensi/IPT dll. dari segi teknikal perikanan.	Individu Kumpulan	Tempat Pertama Tempat Kedua Tempat Ketiga

KATEGORI Sub Kategori	TEKNIKAL		PROSEDUR		PERIKANAN TERBUKA	
PEMENANG	Individu	Kumpulan	Individu	Kumpulan	Individu	Kumpulan
	RM1,000.00	RM5,000.00	RM1,000.00	RM5,000.00	RM1,000.00	RM5,000.00
TEMPAT PERTAMA	Piala	Piala	Piala	Piala	Piala	Piala
	Sijil	Sijil	Sijil	Sijil	Sijil	Sijil
TEMPAT	RM750.00	RM3,000.00	RM750.00	RM3,000.00	RM750.00	RM3,000.00
KEDUA	Sijil	Sijil	Sijil	Sijil	Sijil	Sijil
TEMPAT	RM500.00	RM2,000.00	RM500.00	RM2,000.00	RM500.00	RM2,000.00
KETIGA	Sijil	Sijil	Sijil	Sijil	Sijil	Sijil

Urus Setia Anugerah Inovasi Jabatan Perikanan Malaysia Bahagian Kejuruteraan Wisma Tani, Aras 4, Podium 1, Blok 4G2, No. 30, Persiaran Perdana, Presint 4, 62628 Putrajaya

Tel : 03-8870 4408 Faks : 03-8888 9439



## BORANG PERMOHONAN PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

1.	Kategori:	(Sila	tandakan	√ pad	a kotak	yang	berkenaan	)
----	-----------	-------	----------	-------	---------	------	-----------	---

Kategori/ Sub Kategori	Teknikal	Prosedur	Perikanan Terbuka
Individu			
Kumpulan			

	Kumpulan		
2.	Tempat Bertugas:		
١.	Tajuk Projek/Inovas	ii:	
	·	rkenalkan:	(DD/MM/YY)
	Pegawai/Individu Bo	ertanggungjawab Untuk Dihu	ubungi:
	The second secon		
	Nama :		
	Nama : Jawatan : No. Tel :		
	Nama : Jawatan : No. Tel :	No.	Faks :
<b>S</b> .	Nama : Jawatan : No. Tel : E-mel : Nama, Tandatangan	No.	Faks :



## FORMAT PENYEDIAAN LAPORAN INOVASI PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

- Laporan inovasi hendaklah disediakan di dalam Bahasa Malaysia dan mengandungi perkara-perkara seperti berikut;
  - 1.1 Tajuk Inovasi dan maklumat ringkas individu/kumpulan/pengusaha/penternak /nelayan/agensi yang memperkenalkan inovasi.
  - 1.2 Penerangan mengenai inovasi yang diperkenalkan:
    - a) Objektif
    - b) Tempoh pelaksanaan sama ada secara penuh atau percubaan; dan
    - c) Lokasi.
  - 1.3 Penerangan ringkas mengenai kedudukan sebelum inovasi dilaksanakan.
  - 1.4 Masalah-masalah sebelum inovasi dilaksanakan.
  - 1.5 Faedah-faedah pelaksanaan inovasi (disokong dengan data dan bukti yang nyata).
  - 1.6 Tahap pelaksanaan.
  - 1.7 Replicability.
  - 1.8 Efisien.
  - 1.9 Keberkesanan kos.
  - 1.10 Komitmen pengurusan atasan.
  - 1.11 Gambar-gambar hasil inovasi beserta tajuk;
    - a) Bersaiz 4R
    - b) Minimum 4 keping gambar
    - c) Gambar sebelum, semasa dan selepas inovasi; dan
- Enam (6) salinan hardcopy dan satu (1) salinan softcopy laporan perlu dihantar kepada Urus Setia untuk setiap satu projek inovasi.
- 3. Format penulisan laporan inovasi;
  - a) Jenis font Arial
  - b) Saiz font 12
  - c) Spacing 1.5

## LAMPIRAN D

## PENILAIAN MARKAH PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

TAJUK PROJEK :			
,			

TUMPUAN PENILAIAN	KRITERIA	MARKAH PENUH (%)	MARKAH SEBENAR (%)
IDEA	b) Adaptasi		
HASIL INOVASI	2. TAHAP PELAKSANAAN  a) Secara penuh (melepasi peringkat percubaan) Atau b) Percubaan (diperingkat prototaip)	10	
(OUTPUT)	3. REPLICABILITY  a) Boleh dilaksanakan terus dipelbagai tempat Atau b) Boleh dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibat kos yang tinggi	10	
IMPAK (OUTCOME)	4. EFISEN (KECEKAPAN) a) Jimat masa b) Jimat kos c) Tingkatkan produktiviti d) Mudah digunakan (user friendly)	20	
(001001112)	5. SIGNIFIKASI a) Tinggi (impak kepada Jabatan) Atau b) Sederhana (impak kepada Bhg./Neg) Atau c) Rendah (impak kepada Caw./Unit)	10	
PENGURUSAN	6. KOMITMEN  Pengurusan atasan telah memberi sokongan dari segi; a) Sumber kewangan b) Sumber manusia c) Insentif d) Penghargaan e) Peralatan	10	
PERSEMBAHAN	7. PAMERAN	10	
LAPORAN	8. LAPORAN INOVASI a) Pengenalan - individu/kump. Terlibat, inovasi yang dilakukan, objektif, tempoh pelaksanaan dsb b) Kedudukan sebelum inovasi c) Masalah-masalah sebelum inovasi d) Lain-lain perkara berkaitan	10	
PAMERAN	9. PEMBENTANGAN / TAKLIMAT	10	
	KESELURUHAN	100	

	Prosedur Oper	rasi Standard			
PE	RTANDINGAN AN	IUGERAH INOVAS	i e		
	JABATAN PERIKA	NAN MALAYSIA			
No Dokumen :	M.surat: 10 of	Osmalasa Na. 4	Tarikh Kuatkuasa:		
SOP-DOF-KEJ-INOVASI 11 Semakan No: 1 26/1/2021					

## PROSES KERJA PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

BIL	JAWATAN	PROSES	
1.	Bahagian / Pejabat Perikanan Negeri / Pusat / Institut / Akademi / Individu di Jabatan Perikanan dan Orang Awam / Syarikat Swasta / Pengusaha / Penternak / Nelayan	Mengiklankan Pertandingan Anugerah Inovasi Jabatan Perikanan Malaysia dalam Laman Web dan emel Jabatan.	90 hari
2.	Urus setia Pertandingan	Menerima dan merekod borang permohonan dan laporan inovasi.	
3	Urus setia Pertandingan	Menyemak dan membuat tapisan permohonan untuk memastikan permohonan memenuhi syarat penyertaan yang telah ditetapkan.	2 hari
4.	Panel Penilai	Membuat penilaian pameran dan pembentangan serta laporan oleh perserta pertandingan.	2 hari
5.	Urus setia Pertandingan	Membuat edaran keputusan pertandingan kepada peserta pertandingan	1 hari
6.	Urus setia Pertandingan	Mengadakan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang dalam mana-mana majlis/program yang bersesuaian.	1 hari

	Prosedur Oper	rasi Standard				
PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA						
SOP-DOF-KEJ-INOVASI	Semakan No: 1		26/1/2021			

## **CARTA ALIR: PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI PERIKANAN**

